



15 JUN, 2021

## PST penyelamat usahawan tani

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

# PST penyelamat usahawan tani

FAMA buka 43 PST di seluruh negara sepanjang PKP 3.0

Oleh SAIFULLAH AHMAD

KUALA KANGSAR

Pembukaan Pasar Segar Terkawal (PST) oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menjadi penyelamat kepada usahawan untuk meneruskan hidup sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 yang dilaksanakan ketika ini.

Bagi seorang usahawan, Shamsul Ariffin, 40, dari Kuala Kangsar berkata, apabila pasar tani tidak dibenarkan un-

tuk dibuka di dalam tempoh PKP 3.0 kebanyakan usahawan kehilangan sumber pendapatan.

Menurutnya, bagaimanapun dengan pembukaan PST di Lubuk Merbau, di sini pada 5 Jun lalu melegakan petani.

"Alhamdulillah, hari pertama pembukaan PST di sini, jualan saya dapat RM300 dan paling tinggi jualan yang dapat RM700 pada Sabtu lepas.

"Inisiatif ini memang melegakan kami para usahawan. Sekarang kami dah ada pendapatan semula," katanya ketika ditemui di PST Dewan Arena RPA Mior Aris, Lubuk Merbau, di sini pada Isnin.

Menurutnya, kewujudan PST juga membantu petani memasarkan hasil mereka melalui usahawan FAMA.

Sementara itu, Timbalan



Mohamad Mustahapa (kiri) melawat PST Dewan Arena RPA Mior Aris Lubuk Merbau, Kuala Kangsar pada Isnin.

Ketua Pengarah (Operasi) FAMA, Mohamad Mustahapa Awang berkata, sehingga kini terdapat sebanyak 43 PST di seluruh negara yang beroperasi dalam tempoh pelaksanaan PKP 3.0.

Katanya, pengoperasian PST tersebut terdiri daripada 24 Pasar Tani Kekal, 14 Pusat Operasi FAMA, MyFarmOutlet (3) dan Agrobazaar (2).

"Tujuan kita wujudkan PST

ini untuk mengurangkan kesesakan orang ramai di pasar awam ketika pandemik selain membolehkan usahawan menjalankan perniagaan.

"Pembukaan PST ini juga dilaksanakan mengikut keperluan di lokasi yang dirasakan sesuai dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Mohamad Mustahapa berkata, di Perak terdapat lima

lokasi PST dibuka setakat ini iaitu di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Perak, Pasar Tani Kekal Lekir, Pasar Komuniti Dan Karavan Seri Manjung, Dewan Arena RPA Mior Aris Lubuk Merbau dan Kompleks Operasi FAMA Bagan Datuk.

Menurutnya, sebuah lagi PST akan dibuka di negeri ini iaitu di Arena Square Pekan Bota yang dijangka beroperasi pada Rabu ini.



15 JUN, 2021

## PST penyelamat usahawan tani

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

FAMA buka 43 PST di seluruh negara sepanjang PKP 3.0

Pembukaan Pasar Segar Terkawal (PST) oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menjadi penyelamat kepada usahawan untuk meneruskan hidup sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 yang dilaksanakan ketika ini. Bagi seorang usahawan, Shamsul Ariffin, 40, dari Kuala Kangsar berkata, apabila pasar tani tidak dibenarkan un-KUALA KANGSARSHAMSUL

tuk dibuka di dalam tempoh PKP 3.0 kebanyakan usahawan kehilangan sumber pendapatan.